Daripada jadual 1.2 menunjukkan kadar pengulangan mencatatkan kenaikan 12.4 peratus daripada 371 kes (2014) kepada 417 kes (2015). Kenaikan kadar pengulangan delikuensi oleh juvana memberi gambaran bahawa perancangan yang merangkumi strategi dan program tertentu yang dilaksanakan oleh institusi pemulihan di Malaysia kurang berkesan. Ini diperkuuhkan lagi oleh pandangan (Ameen & Lee, 2012; Nally, Lockwood, Knutson & Ho, (2012), iaitu sesuatu perancangan merangkumi pelbagai program di institusi pemulihan dianggap tidak berkesan seandainya kadar pengulangan delikuensi semakin meningkat. Apabila terdapatnya kelompok juvana yang bebas masih mengulangi delikuensi, maka apakah masalah yang mampu menggugat keberhasilan resosialisasi secara menyeluruh dan ini merupakan aspek yang difokuskan dalam kajian ini.





Sesungguhnya kepentingan institusi pemulihan untuk resosialisasi dinyatakan oleh Chomczyński (2017), iaitu untuk merubah tingkah laku positif secara berkekalan dalam diri juvana adalah melalui proses resosialisasi secara intensif di institusi pemulihan. Walau bagaimanapun menurut pandangan Machel (2003, 2006) dan Orłowska & Błeszyński (2016) dalam Jůzl (2016) resosialisasi untuk pesalah dewasa sukar untuk dicapai kerana sikap serta kelakuan salah tersebut telah sebat dengan diri mereka sejak sekian lama.

Namun bagaimana pula resosialisasi untuk pesalah di bawah umur iaitu juvana di Malaysia, adakah mudah dicapai atau sebaliknya? Apakah cara atau strategi bagi menjamin keberhasilan proses resosialisasi dalam kalangan juvana di Malaysia ini secara menyeluruh? Ini juga merupakan antara skop kajian yang ingin difokuskan dan perincian lanjut adalah pada objektif kajian ini.

Selain itu menurut pandangan Goffman (1961) resosialisasi paling berkesan adalah apabila seseorang individu dimasukkan ke '*total institution*' (TI) kerana ciri-ciri dan aspek TI tersebut yang mampu merubah mereka. Institusi pemulihan juvana merupakan salah merupakan salah satu jenis TI menurut idea Goffman (1961). Adakah pandangan Goffman ini benar bahawa resosialisasi untuk juvana paling berkesan di TI?

Sememangnya teori TI oleh Goffman ini telah lama diperkenalkan iaitu pada tahun 1961, namun ianya masih merasa relevan untuk digunakan dalam kajian. Ini adalah kerana sejak idea TI ini diutarakan, masih terdapat pengkaji-pengkaji di luar





negara menggunakan dalam menganalisis pelbagai jenis isu juvana sehingga sekarang misalnya (Inderbitzin, 2005; Briley, 2009; Cox, 2011; Nyampong, 2013; Haerle, 2014; Franzen, 2014; Rakowski, 2016; Reid, 2016; Aguliar, 2017). Namun teori TI ini tidak pernah diterokai oleh pengkaji di Malaysia untuk menganalisis institusi pemulihan juvana setakat ini. Cuma hanya terdapat seorang pengkaji di Malaysia setakat ini iaitu (Chan, 1981) menggunakan teori TI, tetapi menganalisis pesalah dewasa yang berada di pusat tahanan dadah.

Selain itu sememangnya terdapat kajian terdahulu yang mengkaji isu juvana di institusi pemulihan Malaysia misalnya (Azizi Yahaya & Yow, 2004; Sharifah Norshah Bani & Zulkifli, 2008; Muhammad Rashid & Dayana Farzeha, 2010; Azlina Muhammad, 2012; Noor Hafizah & Fakhrul Adabi 2014; Darussalam Budin, 2014; Ezza Rafedziawati & Abrizah 2014; Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016; Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Zulkifli, 2017), namun ianya tidak menggunakan idea TI Goffman ini. Jadi melalui kajian ini yang menggunakan teori TI sebagai dasar kajian, ianya dapat memenuhi jurang kajian dalam konteks pengembangan teori sosiologi iaitu secara spesifik '*total institution*'.

### 1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan resosialisasi adalah proses penting yang dilalui oleh juvana di institusi pemulihan. Memandangkan resosialisasi





adalah penting, maka segala isu berkaitan dengannya perlu dikaji sebagaimana diperincikan pada objektif kajian di bawah.

- 1.3.1 Untuk meneroka strategi yang dilaksanakan untuk resosialisasi juvana di institusi pemulihan JKM
- 1.3.2 Untuk meneroka aspek perubahan yang berlaku dalam diri juvana hasil resosialisasi oleh institusi pemulihan JKM
- 1.3.3 Untuk mengenalpasti amalan yang dibuat oleh juvana sebagai reaksi terhadap proses resosialisasi yang dilalui oleh mereka.
- 1.3.4 Untuk mengenalpasti masalah-masalah yang wujud semasa proses resosialisasi juvana di institusi pemulihan JKM.



- 1.3.5 Untuk mencadangkan satu kerangka sambutan resosialisasi juvana hasil olahan data kajian

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian di atas lima persoalan kajian telah terhasil.

- 1.4.1 Apakah strategi yang dilaksanakan untuk resosialisasi juvana di institusi pemulihan JKM?
- 1.4.2 Apakah aspek perubahan yang berlaku dalam diri juvana hasil resosialisasi oleh institusi pemulihan JKM?
- 1.4.3 Apakah amalan yang dibuat oleh juvana sebagai reaksi terhadap proses resosialisasi yang dilalui oleh mereka?





1.4.4 Apakah masalah-masalah yang wujud semasa proses resosialisasi juvana di institusi pemulihan JKM?

1.4.5 Apakah kerangka baharu resosialisasi juvana hasil olahan data kajian ini?

## 1.5 Kepentingan Kajian

Tugas untuk resosialisasi juvana telah dipertanggungjawabkan salah satunya kepada pihak JKM. Jadi kajian ini memberi kepentingan kepada JKM secara khususnya. Oleh kerana kajian ini melibatkan semua pihak iaitu pentadbir institusi pemulihan, kaunselor, pembantu kebajikan masyarakat (PKM), tenaga pengajar dan juvana, jadi hasil dapatannya bakal menggambarkan pandangan keseluruhan individu yang terlibat dalam proses resosialisasi dan aspek-aspek penting berkaitannya. Melalui kajian ini juga pengkaji telah mencadangkan satu kerangka resosialisasi untuk juvana. Kerangka resosialisasi ini terhasil daripada data kajian dan ianya akan diperincikan pada bab 5. Maka JKM boleh menjadikan hasil dapatan kajian ini dan cadangan yang dicadangkan pada akhir bab 5 sebagai panduan untuk penambahbaikan pada usaha sedia ada, agar ianya dapat memenuhi keperluan serta memberi faedah kepada juvana.

Dapatan turut menyumbang kepada perkembangan ilmu tentang juvana yang menjadi tumpuan pengkaji di seluruh dunia. Isu juvana bukan hanya dihadapi oleh Malaysia malah negara-negara lain. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi informasi terbaru berkaitan proses resosialisasi yang telah dilaksanakan di Malaysia dan





seandainya terdapat aspek positif berkaitan perancangan resosialisasi ini, ianya bolehlah dijadikan panduan oleh negara-negara lain yang turut menghadapi masalah juvana. Dengan perkataan lain hasil dapatan ini turut menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam aspek proses resosialisasi juvana daripada konteks Malaysia pula.

Kepentingan seterusnya ialah kepada bidang sosiologi pendidikan. Bidang sosiologi sebagaimana bidang yang lain mempunyai teori-teorinya yang tersendiri. Teori-teori ini akan digunakan oleh pengkaji-pengkaji sosiologi untuk membantu mereka untuk memahami sesuatu isu dan untuk menerangkan pelbagai isu yang berlaku dalam masyarakat. Dalam kajian ini isu masyarakat adalah isu juvana. Jadi di akhir kajian satu generalisasi dapatan berkaitan isu juvana dan perkaitannya dengan teori sosiologi yang digunakan ini telah dibuat. Tambahan pula kajian turut menggunakan konsep sosiologi iaitu resosialisasi dan teori TI, jadi bermakna ianya turut menyumbang kepada bidang sosiologi. Idea TI oleh Goffman (1961) dan perkaitannya dengan resosialisasi belum diterokai oleh pengkaji di Malaysia untuk menganalisis isu juvana setakat ini. Oleh itu sudah tentu megembangkan idea Goffman ini daripada perspektif Malaysia pula.

Sesungguhnya apabila membicarakan mengenai sosiologi pendidikan ianya berkait rapat dengan tenaga pengajar atau guru. Jadi dapatan kajian juga berkepentingan dalam membantu tenaga pengajar yang bertugas mendidik juvana agar mereka lebih memahami masalah, keperluan dan kehendak juvana sebagai pelajar di institusi pemulihan. Informasi kajian ini juga membantu para tenaga pengajar untuk bersiap sedia





secara emosi dan penguasaan kemahiran yang bersesuaian, agar dapat menjalankan tugas sebaik mungkin seandainya ditugaskan mengajar juvana.

Akhir sekali hasil kajian juga berguna kepada ahli masyarakat luar untuk memperbetulkan segala tanggapan negatif yang dipegang selama ini terhadap juvana. Sememangnya apabila disebut ‘juvana’ dan nama institusi pemulihan, rata-ratanya masyarakat mempunyai persepsi negatif dan ini harus diperbetulkan. Melalui dapatan kajian ini dapat memberi maklumat yang tepat mengenai siapakah ‘juvana’ yang sebenarnya dan seharusnya mereka diberi peluang kedua oleh anggota masyarakat. Tanpa peluang kedua dan sokongan anggota masyarakat luar akan menyukarkan perubahan yang berkekalan dalam diri juvana setelah mereka dibebaskan kelak.




Hasil dapatan juga memberi informasi berkaitan aspek keperluan pihak institusi pemulihan, terutamanya keperluan kewangan dan bantuan tertentu dalam proses resosialisasi juvana. Melalui hasil dapatan kajian ini diharap merangsang minat pertubuhan organisasi bukan kerajaan (NGO), syarikat-syarikat korporat dan syarikat swasta untuk menghulur bantuan bagi menyokong pihak institusi pemulihan, agar keberhasilan resosialisasi juvana dapat dicapai sepenuhnya.



## 1.6 Kerangka Konseptual Kajian



05



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Diadaptasi Daripada Idea Teori TI Goffman (1961)

## 1.7 Teori Kajian

Perkaitan antara idea utama teori sosiologi serta aspek kajian digambarkan dalam kerangka konseptual pada rajah 1.1. Menurut Othman Lebar (2017) teori penting dalam membentuk kerangka konseptual kajian dan melaui kerangka konseptual, ianya memberi gambaran visual tentang teori yang digunakan dan perkaitannya dengan fenomena yang



sedang dikaji. Teori yang mendasari kajian ini adalah TI oleh Goffman yang diperkenalkan pada tahun 1961.

Goffman memberikan lima jenis TI yang lain dan salah satunya ialah institusi menempatkan juvana. Oleh kerana institusi pemulihan juvana adalah sebahagian daripada contoh TI menurut Goffman, maka idea beliau digunakan sebagai kerangka teori yang mendasari kajian ini, bagi melihat sejauh mana institusi pemulihan juvana di Malaysia menyamai idea TI dan kesannya terhadap proses resosialisasi juvana pula.

Goffman (1961) menyatakan resosialisasi paling berkesan apabila seseorang individu dimasukkan ke dalam TI. Ini disebabkan oleh ciri-ciri TI itu sendiri (pengasingan dari masyarakat luar; adanya kawalan, adanya rutin harian; penghuni perlu menjalani keseluruhan kehidupannya di kawasan dan di bawah satu autoriti sama; penghuni perlu membuat segala aktiviti dalam kumpulan yang besar dan mereka perlu melakukannya bersama-sama penghuni lain) yang mana kesemuanya ini memberi kesan perubahan kepada diri individu di dalamnya.

Selain daripada ciri-ciri TI itu, Goffman menekankan juga perlu adanya pelaksanaan upacara degradasi dan sistem ganjaran hukuman sebagai cara tambahan untuk memastikan keberhasilan resosialisasi individu di TI. Maka dalam konteks kajian ini pengkaji ingin meneroka proses resosialisasi yang berlaku untuk juvana, sama ada iaanya memerlukan ciri-ciri TI, upacara degradasi dan sistem ganjaran hukuman sahaja atau pun memerlukan cara atau strategi yang lain. Sesungguhnya resosialisasi adalah





suatu proses yang kompleks menurut pandangan (Aiello, 2007; Haerle, 2008; Henslin, 2012; Kornblum, 2012). Bertitik tolak daripada pandangan terdahulu ini, sudah tentulah proses resosialisasi memerlukan pelbagai cara atau strategi tertentu dan aspek inilah yang ingin diterokai oleh pengkaji.

Goffman (1961) menyatakan lagi hasil menjalani proses resosialisasi di dalam TI, akan adanya perubahan dalam aspek identiti dan tingkah laku individu sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak yang menguasai TI tersebut. Perkaitan idea Goffman ini dengan skop kajian pengkaji adalah apakah aspek perubahan yang berlaku dalam diri juvana hasil mengikuti segala strategi perancangan yang dibuat oleh pihak JKM yang mengawal institusi pemulihan tersebut. Adakah aspek perubahan merangkumi identiti dan tingkah laku sahaja sebagaimana idea asal Goffman ini atau pun sebaliknya.



Pada asasnya matlamat sesebuah TI adalah untuk resosialisasi individu di dalamnya, namun kadangkala akan terdapatnya amalan tertentu yang dibuat oleh penghuni sebagai reaksi terhadap segala perancangan pihak TI menurut (Goffman, 1961). Amalan-amalan ini boleh jadi berbentuk adaptasi tertentu (penukar, kolonisasi, pemberontakan, penarikan) dan penyesuaian sekunder (pengubahsuaian kegunaan alat dan pengubahsuaian kegunaan tempat) yang dibuat oleh penghuni TI sepanjang mereka berada di dalamnya. Perincian mengenai amalan-amalan ini pada sub topik 2.5.

Melalui amalan-amalan sebegini iaanya memberikan keseronokan dan kepuasan diri kepada penghuni TI, di samping dapat mengekalkan autonomi diri penghuni menurut





Goffman lagi. Institusi pemulihan juvana adalah sebahagian daripada contoh TI, jadi adalah perlu bagi pengkaji untuk meneroka sama ada terdapatnya amalan-amalan (adaptasi & penyesuaian sekunder) dalam kalangan juvana sebagaimana idea Goffman ini ataupun tidak.

Sudah tentulah pihak institusi pemulihan JKM mengharapkan proses resosialisasi juvana berhasil mencapai matlamatnya. Namun Liaudinskien (2005) berpandangan seandainya terdapat masalah tertentu di institusi pemulihan sudah tentu ianya akan menggugat keberhasilan resosialisasi juvana. Turut dinyatakan oleh (Moore, 2000; Kronvall, 2001; Aiello, 2007; Clemance, 2015; Weaver, 2017) apa ju masalah yang timbul semasa melaksanakan perancangan dan program tertentu di institusi pemulihan, ianya memberi kesan kepada kejayaan matlamat resosialisasi juvana. Bersandarkan kepada pandangan inilah pengkaji turut memfokuskan kepada masalah yang terdapat di institusi pemulihan JKM, agar ianya dapat ditangani oleh pihak berwajib dan akhirnya keberhasilan resosialisasi dapat dicapai secara menyeluruh.

Sememangnya terdapat beberapa teori sosiologi lain seperti teori keperitan oleh Syke's (1958) serta teori disiplin dan hukuman oleh Foucault (1977) yang turut membincangkan kesan pengurungan terhadap perubahan diri pesalah. Namun perbezaan antara teori Syke's ialah idea TI Goffman bukan hanya menekankan aspek pengurungan individu, malah turut menekankan perlunya pelaksanaan rutin harian, upacara degradasi, sistem ganjaran hukuman dan ciri TI lain untuk merubah diri individu di dalamnya. Oleh





itu teori TI Goffman lebih relevan digunakan dalam konteks kajian pengkaji, berbanding teori oleh Sykes.

Manakala teori oleh Foucault (1977) sememangnya mempunyai persamaan dengan idea TI Goffman iaitu turut menekankan aspek kawalan kepada individu dalam kurungan dalam usaha merubah mereka. Namun perbezaan antara idea Goffman (1961) dan Foucault (1977) ialah idea Goffman berdasarkan data kajian di beberapa jenis TI (institusi pemulihan, penjara, hospital mental, dll), namun teori oleh Foucault (1977) hanya berdasarkan data di penjara. Oleh yang demikian teori TI Goffman lebih bersesuaian digunakan dalam kajian ini berbanding teori oleh Foucault, kerana memfokuskan institusi pemulihan juvana (salah satu contoh TI menurut Goffman).



## 1.8 Batasan Kajian

Secara asasnya batasan kajian memberitahu kita tentang had-had sesuatu kajian agar kajian tidak terlalu luas skopnya. Batasan dalam kajian ini adalah merangkumi objektif kajian, lokasi kajian, reka bentuk kajian dan pengutipan data kajian.

Batasan kajian merangkumi objektif kajian iaitu sebagaimana telah dinyatakan pada sub topik 1.3. Sememangnya apabila menyentuh isu juvana pelbagai skop menarik boleh dikaji, namun dalam konteks kajian ini pengkaji perlu membatasnya kepada lima





sahaja objektif sahaja kerana keterbatasan masa dan pelbagai isu lain yang perlu dipertimbangkan.

Lokasi kajian hanya melibatkan tiga buah institusi pemulihan di tiga buah institusi pemulihan juvana ianya di bawah seliaan JKM sahaja. Justifikasi pemilihan tiga buah institusi ini telah dinyatakan pada bab 3. Secara asasnya selain JKM terdapat institusi pemulihan juvana di bawah seliaan jabatan kerajaan lain, misalnya Jabatan Penjara Malaysia (JPM). Akan tetapi hanya insitusi pemulihan juvana di bawah seliaan JKM dipilih dan ini juga merupakan batasan kajian ini.

Batasan kajian juga merangkumi reka bentuk kajian ini iaitu kajian kes dan pemilihan bertujuan digunakan untuk memilih responden seperti yang dibincangkan pada bab 3. Oleh yang demikian dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada umum sebagaimana kajian kuantitatif. Apabila dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan ini juga merupakan batasan kajian. Jika dapatan kajian ingin digeneralisasikan kepada umum, kajian seperti ini perlu dilaksanakan di institusi pemulihan lain lagi. Generalisasi dapatan hanya berdasarkan teori yang telah digunakan dalam kajian ini.

Sesungguhnya semasa mengakji topik sensitif semestinya akan berdepan dengan banyak halangan salah satunya dalam aspek mendapatkan maklumat kajian (Lee & Renzetti, 1990; Punch, 2002; Liebling, & Arnold, 2012) dan isu juvana adalah topik yang sensitif maka sudah tentulah pengkaji berdepan dengan masalah yang sama iaitu untuk





mendapatkan sesetengah maklumat dan dokumen tertentu (Punch, 2002; Nazirah Hassan, 2016). Oleh itu batasan kajian seterusnya adalah dalam aspek pengutipan data kajian. Misalnya pengkaji menghadapi kesukaran mengakses sesetengah dokumen kerana skop kajian melibatkan isu juvana yang sedang menjalani tahanan atas perintah mahkamah. Pengkaji tidak dapat mengakses fail rekod setiap juvana atas faktor kerahsiaan maklumat. Pekara ini juga telah dimaklumkan oleh pihak JKM daerah dan pihak pentadbiran institusi pemulihan, semasa pengkaji membuat pertemuan awal dengan pihak-pihak ini. Selain itu pengkaji tidak dapat membawa keluar beberapa dokumen dan hanya dibenarkan dilihat dihadapan kakitangan insitusi. Pengkaji juga tidak dapat mengakses sesetengah kawasan di institusi (asrama) dan ini juga merupakan batasan kajian.



## 1.9 Definisi Istilah

### 1.9.1 Resosialisasi

Kendall (2017) menyatakan resosialisasi adalah satu proses pembelajaran satu set nilai, sikap dan tingkah laku yang baru yang mana ianya berbeza dengan apa yang diamalkan sebelum ini. Kornblum (2012) pula mentakrifkan resosialisasi adalah pembelajaran nilai, norma baru apabila berada dalam situasi atau keadaan baru dan hasil resosialisasi adalah perubahan diri, peranan serta tingkah laku individu tersebut. Liaudinskien (2005) pula menyatakan resosialisasi adalah satu paradigma yang bertujuan untuk merubah juvana,





bukan melalui hukuman keras atau pengasingan, tetapi melibatkan pelbagai program-program dan memerlukan masa yang panjang.

Apabila membicarakan mengenai isu juvana di institusi pemulihan terminologi pemulihan sering digunakan oleh pengkaji dalam penulisan mereka. Namun menurut perspektif bidang sosiologi pemulihan bermaksud '*to resocialize offenders so that they can reenter society*' (Kendall, 2017:204). Ini bermakna apabila menyebut terminologi pemulihan, ianya merujuk kepada resosialisasi dalam konteks ilmu sosiologi. Ahli sosiologi percaya untuk memulihkan (*to rehabilitate*), ianya akan dicapai melalui proses resosialisasi.



Oleh itu dalam kajian ini terminologi 'resosialisasi' digunakan. Resosialisasi dalam kajian ini merujuk kepada proses merubah juvana melalui strategi atau cara tertentu di institusi pemulihan. Melalui strategi tertentu segala nilai, tingkah laku dan aspek positif lain cuba diterap dalam diri juvana.

### 1.9.2 Juvana

Silva (2017) menyatakan di Jepun juvana merujuk kepada individu yang berumur 20 tahun yang melakukan kesalahan jenayah. Manakala Chomil Kamal (2002) menyatakan di Singapura juvana adalah individu berumur dari tujuh hingga enam belas tahun, yang terlibat dalam aktiviti bertentangan dengan undang-undang negara. Manakala definisi yang diwartakan oleh Jabatan Penjara Malaysia (2012) juvana adalah terdiri daripada





mereka yang berumur antara 14 hingga 18 tahun yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah dan mereka ini ditempatkan di Sekolah Henry Gurney. Menurut Rosilawati Sultan Mohideen et.al. (2016) pula juvana ialah individu muda yang berusia antara 10 hingga 18 tahun yang telah melakukan kesalahan bertentangan undang-undang Malaysia. Dalam kajian ini juvana adalah merujuk kepada individu yang berumur antara 10 hingga 18 tahun, sedang menjalani hukuman tahanan sebagaimana arahan mahkamah di dalam institusi pemulihan di bawah seliaan JKM.

### 1.9.3 Institusi Pemulihan Juvana

Institusi pemulihan juvana adalah sebuah tempat yang menempatkan individu di bawah umur 18 tahun yang bersalah untuk suatu tempoh tertentu menurut (*Australian Institute of Health and Welfare, 2010*). Inderbitzin, (2005) pula menyatakan institusi pemulihan adalah tempat di mana juvana menjalani hukuman setelah melakukan kesalahan dan dikurung dalam tempoh tertentu sebagaimana diarahkan oleh pihak mahkamah. Franzén, (2014) pula berpendangan institusi pemulihan adalah satu tempat untuk melaksanakan usaha resosialisasi juvana supaya menjadi individu yang patuh dan akur kepada undang-undang. Dalam konteks kajian ini institusi pemulihan juvana merujuk kepada Sekolah Tunas Bakti (STB) di bawah seliaan JKM yang menempatkan juvana yang menjalani tahanan atas perintah mahkamah dan perlu melalui proses resosialisasi.





#### 1.9.4 Delikuensi

Azizi Yahaya & Rosnah Buang (2007) dan Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011) menyatakan delikuensi ialah tingkah laku yang dilakukan oleh remaja melibatkan perlanggaran peraturan dan undang-undang serta kelakuan tersebut bertentangan dengan nilai masyarakat. Seterusnya Regoli & Hewitt (2003), Hanina Halimatusaadiah Hamsan & Mastura Mohamad (2010) dan Hurry & Rogers (2014), berpendapat bahawa delikuensi adalah perlakuan yang melanggar norma masyarakat dan juga melanggar undang-undang yang ada di sesebuah negara oleh golongan remaja. Dalam konteks kajian ini delikuensi merujuk kepada perlakuan dan tingkah laku remaja yang telah melanggar norma masyarakat dan sistem perundangan Malaysia.



#### 1.9.5 Strategi

Menurut Schwalbe & Maschi (2009) strategi dalam konteks pemulihan juvana merujuk kepada pelbagai pendekatan yang dilaksanakan untuk merubah juvana di dalam tahanan institusi pemulihan. Menurut Pardini (2016) menakrifkan strategi adalah merangkumi perancangan dan intervensi yang komprehensif yang penting dalam usaha merubah juvana ke arah lebih baik. Dalam konteks kajian ini strategi merujuk kepada segala perancangan yang merangkumi segala program, aktiviti dan pendekatan tertentu yang telah dibuat oleh pihak institusi pemulihan JKM dalam usaha untuk resosialisasi juvana.





### 1.9.6 Identiti

Abrams & Hyun (2009) menyatakan identiti adalah ciri-ciri tertentu merangkumi aspek penampilan yang dapat dilihat pada diri individu dan ianya terbina serta berubah mengikut konteks persekitaran di mana individu itu berada. Oyserman, Elmore & Smith (2012) identiti adalah aspek dan ciri-ciri tertentu (misalnya cara berpakaian, aspek penampilan) yang dapat melambangkan diri seseorang. Dalam kajian ini identiti merujuk kepada ciri-ciri penampilan yang dapat dilihat pada diri juvana hasil daripada proses resosialisasi di persekitaran baru iaitu di institusi pemulihan JKM.

### 1.9.7 Tingkah laku



Menurut Bergner (2010) tingkah laku adalah tingkah laku adalah aksi kelakuan seseorang dan ianya dapat diperhatikan oleh orang sekeliling. Seterusnya menurut Lazzeri (2014) tingkah laku adalah aksi dan kelakuan yang dipamerkan oleh individu. Dalam konteks kajian ini tingkah laku merujuk kepada tingkah laku yang dipamerkan oleh juvana di institusi pemulihan JKM dan ianya dapat diperhatikan oleh orang di sekelilingnya (pihak pentadbir, tenaga pengajar, PKM, kaunselor).

### 1.9.8 Adaptasi

Menurut Goffman (1961) adaptasi adalah amalan penyesuaian yang dibuat oleh penghuni TI semasa menjalani proses resosialisasi dan ianya merangkumi empat jenis amalan iaitu





penarikan (*withdrawal*), pemberontakan (*rebellion*), kolonisasi (*colonization*) serta penukaran (*conversion*). Menurut Briley (2009) dan Scott (2010) pula adaptasi merujuk kepada perlakuan penyesuaian yang dibuat oleh individu sebagai respon terhadap proses resosialisasi di dalam TI tersebut. Dalam konteks kajian ini adaptasi merujuk kepada empat amalan perlakuan penyesuaian (penarikan, pemberontakan, kolonisasi, penukaran) yang dipamerkan oleh juvana sebagai reaksi kepada proses resosialisasi yang dilalui oleh mereka ketika berada dalam institusi pemulihan JKM.

### 1.9.9 Penyesuaian Sekunder

Menurut Goffman (1961) penyesuaian sekunder adalah amalan untuk mendapatkan kepuasan diri, namun amalan tersebut tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa TI. Menurut Goffman lagi terdapat dua amalan penyesuaian sekunder iaitu pengubahsuaian kegunaan alat ('*make do*') dan pengubahsuaian kegunaan tempat ('*spatial territories*'). Menurut Scott (2011) dan Nyampong (2013) pula penyesuaian sekunder ialah amalan kebiasaan yang diamalkan oleh penghuni TI yang mana amalan ini bertentangan dengan apa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa TI. Dalam konteks kajian ini penyesuaian sekunder merujuk kepada sebarang amalan perlakuan (pengubahsuaian kegunaan alat, kegunaan tempat) yang dilakukan oleh juvana dan amalan ini bertentangan dengan apa yang digariskan oleh institusi pemulihan JKM.





## 1.10 Rumusan Bab

Secara amnya pada bahagian latar belakang dan pernyataan masalah ianya membincangkan mengenai penglibatan remaja dalam delikuensi sehingga mereka ditempatkan di institusi pemulihan. Setelah beberapa lama berada di institusi pemulihan dan dibebaskan terdapat sekelompok juvana yang mengulangi delikuensi berdasarkan data statistik yang dinyatakan pada pernyataan masalah. Berdasarkan perbincangan dalam bab 1 ini, pengulangan delikuensi oleh juvana membimbangkan dan ianya dikaitkan dengan kegagalan proses resosialisasi. Seharusnya resosialisasi berupaya merubah para juvana untuk menjadi individu berguna apabila dibebaskan kelak menurut perspektif sosiologi. Oleh kerana masih terdapat pengulangan delikuensi oleh juvana setelah dibebaskan, jadi ianya menjadi minat pengkaji untuk meneroka proses resosialisasi yang dilakukan di insitusi pemulihan di Malaysia secara spesifiknya di bawah seliaan JKM. Selain itu di akhir kajian ini juga pengkaji juga mencadangkan satu kerangka resosialisasi baharu untuk juvana

Secara keseluruhannya melalui bab 1 ini memberi kefahaman awal kepada pembaca mengenai skop kajian yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan menjalankan kajian ini, kerangka konseptual beserta teori sosiologi yang mendasari kajian ini. Teori sosiologi yang mendasari kajian ini ialah teori TI oleh Goffman.

